




Headline	Surat pengesahan tamat belajar dilulus senat sudah siap		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	24 Jul 2013	Color	Black/white
Section	Letters	Circulation	192,982
Page No	34	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	94 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,649
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,946



Surat pengesahan tamat belajar dilulus senat sudah siap

 Senat Institut Teknologi Penerbangan Malaysia (MIAT) Universiti Kuala Lumpur (UniKL) masih belum bersidang untuk mengesahkan Ijazah Kejuruteraan Mekanikal (Penyelenggaraan Pesawat) untuk Sesi 2013. Ini menyukarkan pelajar mendapat tawaran tanpa syarat daripada universiti di United Kingdom (UK). MARA sebagai penganjur pula tidak dapat memproses pinjaman dan permohonan visa ke UK, sedangkan pendaftaran di universiti itu bermula pada 22 September ini. Bilakah agaknya Senat MIAT akan bersidang.

Ibu bapa pelajar MIAT
Putrajaya

 Untuk makluman, pengesahan Status Tamat Belajar (completed) sudah diluluskan Senat Universiti Kuala

“
*UniKL MIAT kini sedang dalam proses mencetak Surat Tamat Belajar dan Transkrip Akademik (untuk yang berstatus completed) dan dokumen berkenaan boleh **mula diambil bermula 19 Julai lalu**”*

Lumpur melalui edaran pada 15 Julai lalu. Sehubungan itu, UniKL MIAT kini sedang dalam proses mencetak Surat Tamat Belajar dan Transkrip Akademik (untuk yang berstatus completed) dan dokumen berkenaan boleh mula diambil bermula 19 Julai lalu.

Jabatan Komunikasi Korporat
UniKL